



KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 26 /2023

PEMENTASAN DRAMATARI 'SI TANGGANG'

KUALA LUMPUR, 13 Oktober 2023 – Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara menganjurkan Program Citra Budaya : *Colours of Malaysia* (COM) 2023 siri ke-2 pada 13 hingga 15 Oktober 2023 (Jumaat - Ahad) bertempat di Auditorium Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) Kuala Lumpur.

Program Citra Malaysia "*Colours of Malaysia*" (COM) 2023 merupakan salah satu program tahunan anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di bawah seliaan Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik. Tahun ini merupakan tahun ke-4 penganjurannya bermula tahun 2020 dan dilaksanakan di peringkat JKKN Ibu Pejabat dan JKKN Negeri dengan penglibatan Kumpulan Kesenian Tempatan (NGO) budaya yang terpilih. COM 2023 dapat memberi peluang kepada para penggiat seni untuk turut terlibat dalam kepelbagaian persembahan dalam program ini. Bagi tahun 2023 ini, konsep persembahan diperluaskan kepada tema berbentuk Muzikal atau Drama Tari.

Antara objektif utama penganjuran COM adalah untuk menampilkan keunikan serta kepelbagaian kebudayaan dan kesenian masyarakat di Malaysia melalui acara yang dipersembahkan di samping mempromosikan seni dan budaya kepada masyarakat setempat dan pelancong luar negara. Program ini dapat menjalinkan kerjasama erat di antara Jabatan dengan Badan Bukan Kerajaan, penggiat seni, orang perseorangan, institusi pengajian dan tokoh-tokoh seni budaya tempatan.

Penganjuran COM (2023) siri-2 ini masih mengekalkan persembahan bertemakan muzikal atau dramatari sepertimana siri pertama iaitu pementasan yang bertajuk "Jelitawan & Lelaki Haiwan" yang dipentaskan pada bulan Julai lalu oleh Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Manakala penganjuran COM (2023) siri-2 ini mementaskan sebuah kisah teladan yang diangkat dari cerita rakyat Malaysia yang digarap dan disampaikan melalui koreografi dalam bentuk dramatari yang berjudul "Si Tanggang".

Pementasan dramatari yang meruntun jiwa dan tentunya mengundang deraian airmata ini pastinya menjanjikan kelainan yang luar biasa kepada penonton yang hadir. Selain itu, penonton juga akan disajikan dengan persembahan istimewa melalui segmen Rapsodi Tari yang akan menampilkan tarian kreasi karya baru yang dikoreografi oleh Kerol Mohtar dari Nyala Dance Theatre khas sempena program ini.

Dengan penganjuran Program COM (2023) ini, secara tidak langsung dapat memberi ruang dan peluang kepada penggiat-penggiat seni tanah air untuk mempersembahkan hasil karya kepada pengunjung yang hadir disamping menjana pendapatan melalui bantuan Insentif Seni kepada Badan Bukan Kerajaan yang diberi oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu www.jkkn.gov.my ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786

Website: www.jkkn.gov.my **Email:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya
Instagram, Twitter & You Tube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	---

